

Ukuran pinggang Dr. Mahathir 16 tahun masih sama

UM 31/10/2003 - 23 PRECISE

Oleh LAUPA JUNUS

TIDAK ada yang lebih membanggakan bagi seorang tukang jahit selain hasil kerjanya mendapat pengiktirafan pelanggan.

Apatah lagi, pelanggan tersebut cukup dikenali, dihormati dan dikagumi di seluruh dunia.

Mungkin itulah yang dirasai ketika ini dan sejak lama dulu oleh Robert Loh, pemilik Lord's Tailor.

Barangkali kata-kata tidak cukup untuk menjelaskan perasaannya selepas 16 tahun menjadi tukang jahit kot Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan sekian banyak lagi tokoh politik dan perniagaan di negara ini.

Paling menarik, beliau yang mula-mula sekali memperkenalkan kot potongan kolar ala Nehru (negarawan India) kepada Perdana Menteri menyebabkan gaya kot itu kini semakin popular dan menjadi ikutan pada hari ini.

Menurut Robert, beliau pertama kali menyebut mengenai perkara itu (kot kolar ala Nehru) kepada Perdana Menteri semasa bertemu Dr. Mahathir pada Hari Raya tahun lalu.

Ketika itu, ia masih di peringkat cadangan dan akhirnya Perdana Menteri muncul dengan kot tersebut pada Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Februari lalu.

"Saya sangat terkejut kerana ramai orang bertanya mengenainya selepas Perdana Menteri mula mempopularkannya," kata Robert. Beliau mendapati Perdana Menteri



ROBERT bersama kot rekaan terbaru khas untuk Dr. Mahathir.

tampak kelihatan lebih muda dan bersemangat berbanding usianya ketika memakai kot tersebut.

Sehingga kini sekurang-kurangnya lapan pasang kot seumpama itu dihasilkan untuk Perdana Menteri.

"Perdana Menteri berjaya mempopularkan fesyen baju tersebut meskipun sebelum ini ia sudah digunakan oleh orang lain," katanya.

Ditanya bagaimana beliau mendapat idea mereka fesyen kot potongan kolar ala Nehru itu, Loh, 57, berkata, beliau sentiasa memikirkan bagaimana mereka sesuatu yang baru untuk diperkenalkan kepada pelanggannya.

Kot kolar ala Nehru itu memerlukan

sehelai kemeja warna putih lengan panjang di pakai di bahagian dalam dengan satu butang kemeja di bahagian atas sekali dibiarkan kelihatan pada kolar kot luar.

Kain yang digunakan adalah jenis fabrik kapas yang lembut.

Katanya, tidak ada tempoh tetap bila Perdana Menteri menempah kot baru, sebaliknya bergantung kepada Dr. Mahathir akan menghadiri satu-satu majlis atau mengadakan lawatan ke luar negara.

Robert berkata, selepas belasan tahun dedikasi dengan kerjanya sebagai tukang jahit kepada Perdana Menteri anak kelahiran Kampung Baru, Kuala Lumpur ini mendapati Dr. Mahathir seorang yang sentiasa berfikiran positif.

Pernah satu ketika iaitu kira-kira tujuh tahun dulu, beliau mengadu kepada Perdana Menteri mengenai usianya (Robert) sudah mencecah 50 tahun dan bertanya apakah rahsia Perdana Menteri sentiasa nampak bertenaga.

Ketika itu secara spontan Perdana Menteri menunjuk ke kepalanya dan berkata:

"Ya terpulung apa yang kita fikirkan"

Robert juga mengakui amat mengagumi Dr. Mahathir yang kelihatan tenang dan kadangkala menunjukkan sikap humor ketika mengambil ukuran badannya.

Malah menurutnya, tidak sukar untuk mengambil ukuran badan Perdana Menteri kerana sejak sekian lama ia tidak berubah.

Sebagai contoh sejak 16 tahun dulu,

ukuran pinggang Perdana Menteri kekal 34 inci.

Ini kata Robert satu perkara luar biasa. Bagi banyak orang, ukuran pinggang mereka selalu berubah.

Robert, lulusan Tailor and Cutter Academy dari Britain pada 1974, sebenarnya mempunyai falsafah yang mudah dalam memajukan perniagaannya.

Beliau dikurniakan bakat dan pada masa yang sama meminati seni.

"Saya suka melihat orang kelihatan hebat dalam penampilan. Saya terjemahkan minat terhadap seni ini dalam profesion saya.

"Dalam perniagaan pula kita perlu memastikan kepuasan pelanggan menjadi keutamaan," katanya.

Lord's Tailor yang dibuka di Bangsar Shopping Centre dan Ampwalk, Jalan Ampang sebenarnya boleh berbangga memiliki senarai panjang pelanggan dari kalangan tokoh politik dan ahli perniagaan dan sebilangan lagi golongan ternama.

Antara mereka ialah Prof Diraja Ungku Abdul Aziz, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, ahli perniagaan Tan Sri Jeffrey Cheah, Tan Sri Lim Kok Wing, Pengerusi Sapura Tan Sri Samsudin Abdul Kadir, Datuk Mohd. Azlan Hashim dan Datuk Azman Yahya.

Dia juga tidak mungkin melupakan bagaimana juara tinju dunia Muhammad Ali dan kira-kira 30 kakitangan yang berkunjung ke negara ini pada 1975 menempah kot daripadanya.

Satu lagi peristiwa yang masih segar dalam ingatannya ialah satu perbualan



ROBERT memastikan kot jahitannya sentiasa memenuhi cita rasa dan keselesaan Dr. Mahathir.

membabitkan Dr. Mahathir yang mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher.

Menurut cerita yang disampaikan oleh bekas Pengerusi Lotus, Alan Curtis, Thatcher memuji kot yang dipakai oleh Perdana Menteri dan bertanya tempat beliau membeli kot berkenaan.

Perdana Menteri menjawab beliau menempahnya di sebuah kedai tukang jahit milik anak Malaysia.

Peristiwa itu menurut Robert, bukan sahaja menjadi kenangan tetapi membawa makna yang lebih besar iaitu keupayaan anak tempatan menghasilkan produk yang setanding dengan produk seumpamanya di luar negara.